

**Kerajaan komited turun kadar pengangguran**

Iskandar Shah Mohamed  
3 November 2022, 3:38 pm

KUALA SELANGOR – Kerajaan komited memfokuskan penurunan kadar pengangguran dengan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan memulihkan semula sektor ekonomi yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, usaha seumpama itu secara tidak langsung membantu rakyat mendapatkan peluang pekerjaan di negara ini.

“Sewaktu pandemik, kita dapat lihat kejayaan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menurunkan kadar pengangguran dengan membantu pekerja dan peniaga menerusi program subsidi upah.

“Inisiatif itu sekali gus menangani isu pengangguran dan kehilangan pekerjaan yang dialami oleh Keluarga Malaysia,” katanya selepas Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia di sini, hari ini.

Tengku Zafrul menegaskan kerajaan membelanjakan sebanyak RM21 bilion kepada 358,158 majikan melalui Program Subsidi Upah sejak diperkenalkan pada 1 April lalu.

Ujar beliau, pelaksanaan program berkenaan memberi manfaat kepada lebih 2.96 juta pekerjaan seterusnya membuktikan hasil pendekatan kerajaan yang sentiasa mendengar dan menghayati keluhan pekerja dan majikan.

Jelas Tengku Zafrul, kerajaan turut menyokong program penempatan pekerjaan melalui Portal MYFutureJobs yang dikelola Kementerian Sumber Manusia menerusi Perkeso.

“Sehingga 14 Oktober lalu, portal pencarian pekerjaan itu berjaya membantu hampir 652,799 pencari kerja mendapatkan pekerjaanm

“Daripada jumlah itu, sebanyak 454,510 melibatkan penerima insentif Program Penggajian Penjana Kerjaya dan Program Jamin Kerja-Insentif Penggajian,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Perkeso dengan kerjasama beberapa kementerian turut memperkenalkan Pusat Satelit MYFutureJobs bagi meningkatkan peluang pekerjaan terutama komuniti luar bandar.

“Sehingga kini, terdapat 150 pusat itu dan 12 daripadanya berada di Selangor.

“Menerusi Bajet 2023, kerajaan bercadang membangunkan 13 lagi Pusat Satelit itu di Pusat Transformasi Bandar (UTC) seluruh negara,” katanya.